

17 OCT 2003

OIC-Media/I

WARTAWAN CEMUH LAPORAN MEDIA BARAT MENGENAI UCAPAN PM

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Ramai wartawan yang membuat liputan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini mencemuh organisasi-organisasi media Barat kerana mencetus kontroversi berhubung ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian persidangan itu semalam.

Dengan memilih beberapa petikan daripada ucapan itu, media Barat telah menggambarkan perdana menteri sebagai membuat kenyataan "anti-Yahudi", yang menimbulkan kritikan dari Eropah, Amerika Syarikat dan Israel.

"Ia satu cubaan untuk mengecam Dr Mahathir," kata Sheikh Manzoor Ahmed, seorang wartawan kanan agensi berita India, United News of India.

"Beliau seorang pemimpin yang moden, berfikiran terbuka dan progresif, seorang yang sentiasa membuat kenyataan menentang keganasan," kata Ahmed.

Dr Mahathir memberitahu persidangan yang dihadiri 33 ketua negara dan kerajaan itu, betapa beberapa juta Yahudi mampu menguasai hala tuju banyak negara berkuasa besar yang kemudiannya mengeksploit dan memalukan 1.3 bilion umat Islam.

"Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka," kata perdana menteri yang menjelaskan bagaimana kaum itu berjaya mengharungi episod penindasan dan pembunuhan terhadap mereka berabad lamanya di Eropah.

Beliau menggesa umat Islam berusaha mengukuhkan ekonomi dan memajukan teknologi sekiranya mahu lebih bermaruah.

Wartawan stesen TV Al Jazeera, Shehata Awad berkata "ini bukan kali pertama" media Barat mencetuskan kontroversi melibatkan seorang pemimpin negara Islam.

"Setiap kali pemimpin Islam bercakap mengenai penguasaan Yahudi, media Barat akan memutarbelitkannya dan menyebarkan pembongkaran," katanya yang menambah bahawa "keadaan ini satu gambaran jelas penguasaan Yahudi dalam organisasi-organisasi media Barat".

Sebelum sempat kritikan-kritikan yang dilontarkan itu reda, agensi berita terbabit sekali lagi membuat kesilapan dengan laporan yang mengatakan Malaysia telah "meminta maaf" berhubung ucapan itu.

Mengulas mengenai laporan susulan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kenyataan beliau telah disalah tafsir oleh agensi berita Associated Press dan laporan yang dibuat tidak menggambarkan apa yang dimaksudkan.

Menurut beliau, Malaysia tidak meminta maaf berhubung kenyataan yang dibuat oleh perdana menteri.

Wartawan agensi berita United News of Bangladesh, Saiful Huda, berkata "semangat ucapan" Dr Mahathir tidak ditemui dalam laporan-laporan media Barat.

"Mereka sengaja memutarbelit ucapan itu. Apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir dan fakta-faktanya telah ditafsir dengan salah," katanya.

Pemberita akhbar Akahata dari Jepun, Shushi Okazaki, juga kesal dengan cara media di Amerika Syarikat, Israel dan negara-negara Eropah mensensasikan ucapan itu.

"Intipati ucapan itu bukan anti-Yahudi, tetapi keperluan umat Islam memajukan diri dan menjadi kuat. Dr Mahathir menjadikan Yahudi sebagai contoh bagaimana mereka boleh menyedari kelemahan," katanya.

Beliau berkata wartawan Barat mempunyai kecenderungan "amalan mensensasikan berita" dengan "memilih apa yang sesuai dengan mereka".

-- BERNAMA  
SKH SKH TS MOZ